



HEBAHAN PROJEK KERJASAMA ANTARA MALAYSIA DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA DALAM BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

1. PENGENALAN

Selaras dengan Perjanjian Kerjasama dalam Sains dan Teknologi antara Malaysia dan Republik Rakyat China yang ditandatangani pada tahun 2013 kedua-dua telah bersetuju untuk menyemarakkan kerjasama dalam penyelidikan di peringkat antarabangsa di kalangan penyelidik di kedua-dua negara.

Program ini memberi peluang kepada Agensi/Jabatan/institusi penyelidikan di Malaysia untuk meningkatkan kepakaran teknikal dan memberi faedah saksama kepada kedua-dua belah pihak. Cadangan bidang kerjasama adalah berpaksikan kepada dasar-dasar utama negara tanpa menjejaskan kepentingan negara dan rakyat terutamanya melibatkan kerjasama sains, teknologi dan inovasi selari dengan bidang di bawah Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE).

Bidang kerjasama di bawah program ini adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua negara dan akan dikemaskini dari masa ke masa, berdasarkan kepada kepentingan kedua-dua negara.

2. BIDANG KEUTAMAAN

Permohonan projek perlu merangkumi bidang keutamaan seperti berikut:

- 2.1 *Public Health (including Vaccine research and development);*
- 2.2 *Artificial Intelligence;*
- 2.3 *ICT (eg. Block chain and big data);*
- 2.4 *Space and remote sensing technology.*

3. KATEGORI PEMOHON

Program ini adalah terbuka kepada:

- i. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta;
- ii. Politeknik dan Kolej Komuniti;
- iii. Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI); dan
- iv. Agensi Sains, Teknologi dan Inovasi Kerajaan (STI).

4. KRITERIA PEMOHON

- 4.1 Projek di bawah penyeliaan penyelidik Malaysia perlu dilaksanakan di Malaysia.
- 4.2 Ketua Projek perlu memaklumkan kepada pihak MOSTI sekiranya menerima dana daripada pihak-pihak yang lain bagi projek yang dimohon. **Penyelidik/Jabatan/Agensi/institusi penyelidikan di Malaysia boleh memohon pembiayaan dari MOSTI atau mana-mana institusi yang bersesuaian di Malaysia, tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat yang berkuatkuasa di bawah institusi berkenaan.**
- 4.3 Permohonan projek yang berkaitan dengan penguatkuasaan keselamatan dan pertahanan (polis dan tentera) tidak dibenarkan di bawah program ini.

5. PROSES PERMOHONAN

- 5.1 Ketua projek bagi Malaysia dan China bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan melalui agensi di negara masing-masing. Bagi pihak China, pertanyaan berkaitan program ini boleh menghubungi China Science and Technology Exchange Center seperti berikut:

Talian hotline : 0086-10-68598010
E-mel : zfj@cstec.org.cn

- 5.2 Tarikh permohonan adalah **29 November 2021 hingga 21 Januari 2022.**

- 5.3 Pemohon perlu mengemukakan *Project Proposal* (**Lampiran A**) melalui e-mel kepada:

Sekretariat Utama Projek Kerjasama Malaysia - China

E-mel : my-chnsti@mosti.gov.my

Tel. No. : 03-8885 8168 atau 03-8885 8546

- 5.4 **Sekiranya pemohon ingin memohon Dana di bawah MOSTI, permohonan berasingan perlu dikemukakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Bahagian Dana, MOSTI. Maklumat lanjut boleh dirujuk di laman web <https://edana.mosti.gov.my/>.**
- 5.5 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui e-mel.
- 5.6 Keputusan pemilihan projek adalah **MUKTAMAD** setelah dipersetujui oleh kedua-dua negara.

6. TEMPOH PROJEK

Tempoh maksimum projek adalah 24 bulan.

7. PEMANTAUAN PROJEK

- 7.1 Ketua Projek dikehendaki mengemukakan Laporan Akhir Projek (EOP) kepada MOSTI dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek. Laporan Akhir Projek hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:
- 7.1.1 *Deliverables* dan hasil akhir projek;
 - 7.1.2 Pencapaian objektif projek;
 - 7.1.3 Perancangan pengkomersialan / pemindahan teknologi;
 - 7.1.4 Faedah projek;
 - 7.1.5 Impak projek kepada nasional; dan
 - 7.1.6 Senarai peralatan / kemudahan yang dibeli.

7.2 Walaupun projek telah selesai, MOSTI berhak:

- i. Mendapatkan maklumat berkala mengenai kemajuan projek; atau
- ii. Menjemput Ketua Projek bagi penyampaian seminar; atau
- iii. Menjemput Ketua Projek untuk mengadakan pameran; atau
- iv. Mengadakan lawatan ke lokasi projek.

8. PENAMATAN

MOSTI berhak menarik balik kelulusan program sekiranya berlaku perkara berikut:

- i. Sebarang maklumat palsu yang diberikan oleh penyelidik;
- ii. Perubahan skop projek tanpa persetujuan bertulis daripada MOSTI;
- iii. Perubahan Ketua Projek tanpa kebenaran bertulis daripada MOSTI.

9. MALAYSIAN CODE OF RESPONSIBLE CONDUCT IN RESEARCH

Semua yang terlibat dalam pelaksanaan projek perlu mematuhi tatacara dan amalan yang termaktub dalam *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research*.

10. KELULUSAN ETIKA, KELULUSAN JAWATANKUASA KEINSTITUSIAN BIOKESELAMATAN (IBC)/ PEMAKLUMAN DAN PEMATUHAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN YANG BERKAITAN

- 10.1 Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan dan memberikan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan jika diperlukan.
- 10.2 Bagi projek yang memerlukan ujian terhadap manusia atau haiwan, Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan etika (*ethical clearance*) dan mengemukakan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.
- 10.3 Bagi projek yang melibatkan organisma hidup terubah suai (*living modified organisms*, LMOs), Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan oleh Jawatankuasa Keinstitusian Biokeselamatan/ berkaitan dan mengemukakan salinan permohonan untuk kelulusan Lembaga Biokeselamatan Negara.
- 10.4 Maklumat mengenai penggunaan sumber biologi dan pengetahuan tradisional (*biological and associated traditional knowledge*) hendaklah dilengkapkan dengan mengisi borang di **Lampiran B**.

MAKLUMAT PENGGUNAAN SUMBER BIOLOGI DAN PENGETAHUAN TRADISIONAL BERSAMA (JIKA BERKAITAN)

1. Adakah sumber biologi atau pengetahuan tradisional yang berkaitan dengan sumber biologi atau maklumat yang berkaitandengannya digunakan dalam penemuan ini.

Ya Tidak

2. Sekiranya ya, berikan butiran:

i. Negara :

ii. Negeri :

iii. Tarikh kebenaran:

iv. Tarikh Perjanjian perkongsian faedah:

Salinan permit disertakan bersama borang ini.

3. Tarikh pemberitahuan permohonan ini untuk paten kepada Pihak Berkuasa Kompeten Nasional di bawah Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017.

Salinan bukti penerimaan pemberitahuan disertakan bersama borang ini.